

24/08/2000

SCC dijangka lulus draf syor bentuk mekanisme sokongan

Azman Abdul Hamid in London

LONDON, Rabu - Mesyuarat Suruhanjaya Penyelaras Selatan (SCC) yang dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini dijangka meluluskan satu draf laporan yang mengesyorkan satu mekanisme sokongan dibentuk untuk menggerakkan SCC bagi faedah anggota Kumpulan Negara Membangun (G77).

Tiga pemimpin lain yang menghadiri mesyuarat itu ialah Presiden Algeria, Abdul Aziz Bouteflika, rakan sejawatan dari Nigeria, Olusegun Obasanjo dan pemimpin Jamaica, P J Patterson.

"Tujuan utama draf laporan itu ialah mengeratkan kerjasama antara negara anggota G77 bagi menghadapi negara maju, khususnya dalam rundingan isu ekonomi dan perdagangan seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)," kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, dalam taklimatnya kepada wartawan, di sini hari ini.

Mesyuarat itu berlangsung di Abuja House, Suruhanjaya Tinggi Nigeria di sini.

Draf itu juga mencadangkan pembentukan Majlis SCC yang akan dianggotai pengerusi pertubuhan serantau seluruh dunia seperti Asean, Kumpulan Negara Berkecuali (NAM) dan Liga Arab.

Katanya, keanggotaan majlis itu yang akan ditentukan dalam mesyuarat di sini, dijangka memilih 10 pemimpin sebagai ahli. Majlis berkenaan akan berunding lima tahun sekali.

Kadir berkata, draf itu juga mengesyorkan pembentukan satu lembaga SCC, pelantikan seorang penyelaras dan pewujudan pejabat operasi SCC.

"Anggota lembaga itu akan berunding sekali setahun bagi merangka dasar G77 terutama berhubung pendirian bersama apabila berunding dengan negara maju mengenai isu ekonomi antarabangsa," kata Kadir.

Sir Sridath Ramphal yang dijangka dipilih sebagai calon penyelaras, adalah penyelaras sementara ketika ini. Beliau adalah bekas Setiausaha Agung Komanwel.

Draf berkenaan turut menyarankan pembukaan ibu pejabat operasi SCC di bandar raya yang mana rundingan perdagangan dunia sering diadakan seperti Geneva dan New York.

"Buat masa ini, satu pejabat Pusat Selatan sudah ada di Geneva yang ditaja 46 negara. Draf itu mengesyorkan Lembaga SCC mengambil alih pejabat berkenaan untuk dijadikan pejabat utama.

"Bagaimanapun, semua cadangan draf itu boleh dipinda dalam mesyuarat hari ini," kata Kadir.

Jika diluluskan, draf itu akan dibentangkan kepada 133 anggota G77 di luar sidang Kemuncak Alaf Baru di New York, pada 6 September depan, untuk mendapatkan sokongan.

Mesyuarat Dr Mahathir dan tiga rakan sejawatnya adalah lanjutan daripada keputusan yang diambil G77 dalam sidang di Havana, April lalu.

Dalam persidangan di ibu negara Cuba itu, anggota G77 memilih Dr Mahathir, Bouteflika, Patterson dan Obasanjo untuk merancang pelan induk pertubuhan berkenaan.

Dr Mahathir tiba di London semalam selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 2000) di Mozambique.

Perdana Menteri bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di lapangan terbang Luton selepas penerbangan 12 jam dari Maputo, Mozambique.

Ketibaan beliau dan Dr Siti Hasmah disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom & Eire Datuk Mohamed Amir Jaafar dan isteri

Datin Zaleha Arshad.

(END)